



Pemimpin diuji tentukan tahap keimanan

Tanggungjawab sebagai amanah yang akan dipersoal di akhirat kelak

APABILA dilantik menjadi pemimpin, ada kalanya kita menolak dengan baik dan sering juga kita menerimanya dengan hati terbuka. Kesediaan memimpin bukanlah calang-calang kerana ia harus disertai dengan amanah dan tanggungjawab yang akan dipersoalkan setiap satunya kelak.

Tanggungjawab memimpin juga adalah satu ujian besar yang akan menentukan kita lulus atau gagal dalam perhitungan di hadapan-Nya nanti.

Ujian demi ujian dihadapi sebagai pemimpin adalah pemeriksaan yang diduduki untuk mengetahui tahap keimanan kepada Allah SWT. Yang teguh dijalan-Nya tentulah mendapat markah tinggi, sebaliknya yang goyah akan menanggung akibatnya.

Ujian ini tidak hanya dengan kesukaran membuat keputusan, tetapi juga kesenangan yang menjadi sebab seseorang Muslim itu berjaya atau gagal dalam perhitungan hidupnya.

Sejak sekian lama, pemimpin dalam sejarah Islam diuji pelbagai bentuk dan rupa kerana setiap Muslim tidak akan beriman selagi tidak diuji.

Allah berfirman yang bermaksud: "Patutkah manusia menyangka

bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: Kami beriman, sedang mereka tidak di uji dengan sesuatu cubaan? Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang yang terdahulu daripada mereka, maka dengan ujian yang demikian, nyata apa yang diketahui Allah mengenai orang yang sebenarnya beriman dan nyata pula apa yang diketahuinya mengenai orang yang berdosas." (Surah al-Ankabut, ayat 2-3)

Ayat itu menyedarkan kita bahawa ujian adalah syarat untuk mendekati diri kepada Allah SWT. Tiada seorang Muslim yang layak mengatakan dirinya sabar tanpa ujian atau beriman tanpa melepasi sesuatu cabaran.

Rasulullah SAW sendiri diuji dengan pelbagai tuduhan dan fitnah terhadap diri Baginda serta kaum keluarga. Sahabat pula sanggup bersusah payah bersama Baginda Rasulullah menghadapi cabaran dan dugaan kerana iltizam terhadap agama bukanlah sedikit.

Tetapi mereka tetap bersabar, sentiasa teguh dengan perintah Allah dan menganggap setiap ujian bukanlah batu penghalang untuk mendapat cinta Ilahi.

Sabda Rasulullah SAW yang diri-

wayatkan Al-Imam Muslim bermaksud: "Betapa ajaibnya orang yang beriman itu. Sesungguhnya semua perkara adalah baik bagi mereka. Dan tiadalah kebaikan itu kecuali bagi mukmin. Jika memperoleh kegembiraan dia berterima kasih bererti kebaikan baginya dan jika ditimpa kesulitan dia bersabar bererti kebaikan baginya."

Hari ini, kemajuan pemikiran membawa dunia ke satu tempat baru, yang banyak 'memayakan' tindak-tanduk manusia. Ia sama sekali tidak bersalahan dengan mana-mana agama pun, bahkan kemodenan membawa keuntungan yang bukan sedikit kepada manusia.

Malangnya, sebahagian kepemimpinan tidak sepekat dunia dan tuntutannya dalam membawa diri. Ramai yang masih tidak bersedia untuk sentiasa berada di bawah ketaatan dan perintah syarak. Akibatnya, dunia dan isinya terus mengawal tindak tanduk manusia, malah pegangan agama tidak menjadi paksi yang menapak kukuh supaya manusia tidak terpesong jauh.

Rukun Islam seakan menjadi ingatan hanya kerana ada lagu yang dikumandangkan, bukan kerana ia menjadi pegangan teguh sebahagian pemimpin Islam di dunia. Mungkin

kerana perhitungan Allah SWT masih lambat, maka ramai terlupa, ada pula yang yakin sempat bertaubat.

Yang paling penting, kita harus ingat bahawa tanggungjawab kepemimpinan yang diamanahkan adalah ujian Allah SWT terhadap setiap manusia. Boleh dikatakan setiap manusia mumayyiz mempunyai tanggungjawab terhadap diri sendiri dan orang lain.

Adalah penting untuk kita mengenal pasti setiap tanggungjawab yang wajib ditunaikan serta melaksanakannya seberapa segera. Bagi setiap suami contohnya, memberi nafkah, pedoman agama serta menguruskan rumah tangga adalah tanggungjawab asas yang tidak boleh dikompromi jika ingin mendapat reda Ilahi.

Bagi yang tidak alpa, tanggungjawab menjadi rutin yang harus ditunaikan setiap masa dan ketika dengan sempurna, tetapi ada juga yang tidak hairan dengan amanah dipertanggungjawabkan.

Perlu diingat, ujian juga adalah tanda kasih dan cinta Allah terhadap kita. Rasulullah SAW bersabda bermaksud: "Daripada Anas, Rasulullah SAW bersabda: Bila Allah cinta kepada suatu kaum, mereka diuji. Barang siapa reda menerima

PETIKAN HADIS



Bila Allah cinta kepada suatu kaum, mereka diuji. Barang siapa reda menerima ujian itu, Allah reda pula kepadanya. Dan barang siapa yang marah (tidak reda), maka Allah pun murka kepadanya ”

Riwayat At-Tarmizi

ujian itu, Allah reda pula kepadanya. Dan barang siapa yang marah (tidak reda), maka Allah pun murka kepadanya." (Hadis riwayat Imam At-Tarmizi)

Justeru, kita harus ingat bahawa ingin menjadi pemimpin adalah kemahuan, tetapi apabila terlantik, ia adalah kewajipan yang bukan lagi pilihan.

Penulis ialah Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan Undang-Undang,
Universiti Sains Islam Malaysia